

KONSEPTUALISASI SWADIDIK DALAM PENDIDIKAN ERA IR4.0: SATU SOROTAN AWAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

CONCEPTUALIZING AUTODIDACTICISM IN THE IR4.0 ERA EDUCATION: A PRELIMINARY REVIEW FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE

Nurul Nadiah Md Salleh^{1,2}
Mohd Syahmir Alias^{2*}

¹ School of Management and Business, MILA University, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
(e-mel: nadiah.mdsalleh@mila.edu.my)

² Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang
(e-mel: syahmir@usm.my)

*penulis koresponden

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Md Salleh, N. N., & Alias, M. S. (2025).
Konseptualisasi swadidik dalam pendidikan era IR4.0:
Satu sorotan awal menurut perspektif Islam. *Journal
of Islamic, Social, Economics and Development
(JISED)*, 10 (77), 30 – 42.

Abstrak: Makalah ini menelusuri sorotan awal terhadap konsep swadidik (autodidaktik) dalam konteks pendidikan era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) menurut perspektif Islam. Perubahan landskap pendidikan global akibat kemajuan teknologi seperti kecerdasan buatan, automasi dan pembelajaran digital telah menuntut peralihan pendekatan pendidikan; daripada model pengajaran tradisional kepada pendekatan yang lebih fleksibel, sendiri dan berpusatkan pelajar. Dalam konteks ini, konsep swadidik dilihat signifikan sebagai satu keperluan untuk mempersiapkan individu menjadi pelajar sepanjang hayat yang mampu menyesuaikan diri dalam persekitaran yang dinamik dan tidak menentu. Bagi memastikan kajian konseptual ini lebih sistematik, kaedah tinjauan literatur bersepadu digunakan dengan mengumpulkan dan menganalisis sumber klasik (al-Quran, Hadis, karya ilmuwan Islam) dan sumber data kontemporari berkaitan swadidik, nilai Islam, dan pendidikan IR4.0. Analisis tematik kemudiannya dijalankan untuk mengenal pasti tema utama yang membentuk suatu kerangka konseptual. Dihujahkan bahawa nilai-nilai seperti ijtihad (penaakulan mendalam), tadabbur (perenungan mendalam) dan tafaqquh (pemahaman mendalam) dalam tradisi Islam memperkukuh konsep swadidik sebagai suatu kerangka epistemologi dan etika pembelajaran. Kajian ini turut menghubungkan nilai-nilai tersebut dengan keperluan pendidikan dalam era IR4.0, termasuk kemahiran insaniah, keupayaan mengakses dan menilai maklumat secara kritis serta adaptasi terhadap teknologi baharu. Makalah ini juga menegaskan bahawa pendidikan Islam harus mengintegrasikan semula semangat swadidik dalam kurikulum dan pedagogi agar dapat membentuk pelajar yang bukan sahaja celik teknologi tetapi juga celik nilai, mandiri, dan bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka sendiri.

Kata kunci: *swadidik, Revolusi Industri 4.0, pendidikan Islam, pembelajaran mandiri, pembelajaran sepanjang hayat, falsafah pendidikan*

Abstract: *This article presents a preliminary review of the concept of autodidacticism in the context of education in the era of the Fourth Industrial Revolution (IR4.0) from an Islamic perspective. Transformations in the global educational landscape driven by technological advancements such as artificial intelligence, automation, and digital learning have necessitated a shift from traditional teaching models towards approaches that are more flexible, self-directed, and learner centered. In this context, the concept of autodidacticism is seen as significant in preparing individuals to become lifelong learners who can adapt to dynamic and uncertain environments. To ensure this conceptual study is more systematic, the integrative literature review method is employed by collecting and analyzing classical sources (the Qur'an, Hadith, works of Islamic scholars) as well as contemporary data related to autodidacticism, Islamic values, and education in the IR4.0 era. Thematic analysis is then conducted to identify the main themes that form a conceptual framework. It is argued that values such as ijtihad (independent reasoning), tadabbur (deep contemplation), and tafaquh (profound understanding) in the Islamic tradition reinforce autodidacticism as both an epistemological framework and an ethical foundation for learning. The study also connects these values to the educational requirements of the IR4.0 era, including soft skills, the ability to critically access and evaluate information, and adaptability to emerging technologies. This paper further asserts that Islamic education should reintegrate the spirit of autodidacticism into its curriculum and pedagogy to develop learners who are not only technologically literate but also morally grounded, independent, and accountable for their own learning processes.*

Keywords: *autodidacticism, Fourth Industrial Revolution, Islamic education, self-directed learning, lifelong learning, educational philosophy*

Pengenalan

Era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah membawa perubahan paradigma yang signifikan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuklah bidang pendidikan. Kemajuan pesat dalam teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, data raya (*big data*) dan pembelajaran digital telah mencabar model pendidikan tradisional yang berpusatkan guru dan silibus yang statik (Ahmad Arifen *et. al.*, 2024). Institusi pendidikan kini berhadapan dengan keperluan mendesak untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja memiliki pengetahuan teknikal, tetapi juga kemahiran insaniah yang tinggi, keupayaan beradaptasi dan semangat pembelajaran sepanjang hayat. Perubahan landskap pekerjaan dan tuntutan kemahiran abad ke-21 menuntut individu untuk sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka (Nong & Osman, 2024). Dalam suasana yang dinamik dan tidak menentu ini, keupayaan untuk belajar secara sendiri menjadi aset yang tidak ternilai.

Dalam konteks ini, konsep swadidik atau autodidaktik wajar diberikan perhatian sebagai pendekatan pembelajaran yang relevan dan kritikal. Swadidik merujuk kepada proses pembelajaran yang dilakukan oleh individu atas inisiatif sendiri, tanpa bimbingan formal atau institusi (Kamus Besar Bahasa Indonesia, t.t.). Ia menekankan autonomi pelajar, motivasi dalaman dan keupayaan untuk menguruskan proses pembelajaran secara sendiri. Justeru, makalah ini menetapkan objektifnya untuk melaksanakan sorotan awal terhadap konsep swadidik dari perspektif Islam sebagai suatu upaya untuk mengkonseptualisasikannya dan menghubungkan dengan keperluan pendidikan dalam era IR4.0. Melalui penelitian terhadap

nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam tradisi keilmuan Islam, perkara ini dapat memperkuat idea swadidik sebagai kerangka epistemologi dan etika pembelajaran yang holistik.

Metodologi Kajian

Bagi memastikan kajian kualitatif ini dijalankan secara sistematik, makalah ini mengaplikasikan tinjauan literatur bersepadu (*integrative review*) sebagai kerangka metodologi utama. Pendekatan ini, sebagaimana diuraikan oleh Snyder (2019) dan Torracco (2005), ditakrifkan sebagai reka bentuk kajian yang bukan sekadar meringkaskan literatur sedia ada, tetapi menggabungkan penemuan daripada pelbagai sumber untuk menghasilkan perspektif baharu atau membangunkan kerangka konseptual awal. Proses pengumpulan data dilakukan melalui kajian pustaka yang melibatkan dua kategori utama. Pertama, sumber klasik seperti al-Quran, Hadis dan karya ilmuwan Islam; dan kedua, sumber kontemporari seperti artikel jurnal, prosiding dan buku akademik berkaitan dengan swadidik, nilai-nilai Islam dan pendidikan era IR4.0. Bahan kontemporari diperoleh daripada pangkalan data seperti Scopus, Google Scholar dan MyCite dengan menggunakan kata kunci seperti “swadidik”, “*autodidacticism*”, “pendidikan Islam” dan “pendidikan era IR4.0”. Proses saringan dijalankan dengan menetapkan kriteria termasuklah kesesuaian tema dan keautoritatifan sumber. Setelah sumber dikenal pasti, data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dengan mengenal pasti, mengelompokkan dan mentafsir tema-tema utama yang berkaitan (Braun & Clarke, 2006). Hasil analisis ini disintesis menjadi kerangka konseptual yang mengintegrasikan nilai epistemi dan nilai etika Islam dengan keperluan pendidikan IR4.0.

Takrif Konsep Swadidik

Secara etimologi, swadidik ialah terjemahan kepada perkataan bahasa Inggeris iaitu *autodidact*. “*Autodidact*” ialah gabungan dua perkataan Yunani iaitu “*autos*” yang bermaksud “diri” dan “*didaskein*” yang bermaksud “ajar” atau “pelajari”. Apabila keduanya digabungkan, ia menjadi “*self-taught*” dalam bahasa Inggeris atau diterjemahkan sebagai “pembelajaran mandiri” (Oxford University Press, t.t.). Istilah “swadidik” digunakan sebagai padanan dalam bahasa Melayu yang diambil daripada bahasa Indonesia yang bermaksud “upaya belajar sendiri atau mendidik diri sendiri” (Kamus Besar Bahasa Indonesia, t.t.). Walaupun tiada padanan secara langsung dalam bahasa Melayu (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2025), penggunaan istilah ini adalah sesuai kerana struktur perkataannya (gabungan “swa” dan “didik”) sejajar dengan morfologi bahasa Melayu dan memudahkan pemahaman konsep *autodidacticism* dalam konteks pendidikan moden.

Terdapat pelbagai takrif istilah yang dikemukakan oleh para sarjana, namun takrif tersebut saling berkaitan erat. Menurut Kiwelu dan Ogbonna (2020), *autodidact* ialah individu yang mengatur sendiri apa yang ingin dipelajari, termasuk bahan, masa, dan kadar pembelajaran, sama ada untuk tujuan kerjaya atau pelengkap kepada pendidikan formal. Olanipekun (2018) menekankan ketiadaan guru, menjadikan *autodidacticism* sinonim dengan *self-directed learning*. Sementara itu, Dominic (2017) menekankan pembelajaran di luar sistem formal dengan pendedahan minimum kepada pendidikan institusi. P. Fisher dan R. Fisher (2007) pula menyatakan bahawa swadidik merujuk kepada proses pembelajaran yang dikendalikan sendiri oleh pelajar tanpa pergantungan mutlak kepada pengajaran formal. Kesemua definisi istilah ini menonjolkan unsur kemandirian dan fleksibiliti dalam pembelajaran.

Dalam kajian ini, swadidik ditakrifkan sebagai proses pembelajaran sendiri yang dilakukan tanpa pengawasan langsung institusi formal, sama ada sebagai pendekatan utama atau

pelengkap kepada sistem pendidikan sedia ada. Contohnya, watak Robinson Crusoe dikenali sebagai seorang *autodidact* (Cyrot, 2007). Catatan sejarah juga menunjukkan bahawa konsep ini pernah diamalkan oleh aktivis Marxis (P. Fisher & R. Fisher, 2007). Kini, dengan kemajuan teknologi dan capaian maklumat, konsep ini semakin berkembang melalui platform pembelajaran dalam talian dan memberi cabaran baharu kepada pendidikan formal.

Konsep Swadidik dan Pendidikan Era IR4.0

Revolusi Industri Keempat (IR4.0) menandakan era baharu dalam pembangunan teknologi yang menyaksikan integrasi antara sistem fizikal, digital dan biologi, melalui kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT), data raya dan automasi. Perkembangan ini turut membawa implikasi besar terhadap sistem pendidikan, yang kini beralih daripada pendekatan berpusatkan guru kepada pendekatan berpusatkan pelajar. Malah, era IR4.0 yang dicirikan oleh perubahan yang pantas dan ketidakpastian meningkatkan kepentingan pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Oleh sebab perubahan dan ketidakpastian, kemahiran yang relevan hari ini mungkin menjadi sesuatu yang lapuk pada esok harinya. Oleh itu, pendidikan perlu beralih daripada model yang berpusatkan penyampaian maklumat kepada model yang memupuk keupayaan pembelajaran sepanjang hayat (Wan Zaliha Wan Othman, 2022). Swadidik adalah kunci kepada peralihan ini kerana ia membekalkan individu dengan kemahiran untuk belajar secara fleksibel, berterusan dan disesuaikan mengikut keperluan masing-masing. Kehadiran platform pembelajaran digital seperti *Massive Open Online Courses* (MOOC), sistem pembelajaran bersifat adaptasi berasaskan AI, aplikasi e-pembelajaran serta bot sembang (*chatbot*) pendidikan dapat memangkin rangsangan pembelajaran sebegini dan menawarkan bimbingan berterusan secara sendiri kepada pelajar.

Kajian oleh Kiwelu dan Ogbonna (2020) menunjukkan bahawa pembelajaran sendiri melalui platform dalam talian menyokong pendidikan sepanjang hayat dalam kalangan pelajar dewasa di Afrika. Institusi pendidikan di seluruh dunia juga semakin mengiktiraf potensi pembelajaran sendiri dengan menyediakan capaian terbuka kepada kursus dan modul pembelajaran yang boleh disesuaikan mengikut tahap dan minat pelajar. Fenomena ini sejajar dengan kehendak IR4.0 yang menuntut pembelajaran anjal (*flexible learning*), mudah dicapai dan digerakkan oleh teknologi.

Sefton-Green (2019) memperkenalkan konsep “pencari ilmu masa hadapan”, iaitu pelajar digital yang bersifat kreatif, berdikari dan bermotivasi tinggi. Pengenalan konsep ini adalah untuk menghadapi cabaran kawalan pembelajaran berasaskan kelas dalam pendidikan formal tradisional. Ciri-ciri ini amat bertepatan dengan keperluan IR4.0 yang menuntut pelajar menjadi agen pembelajaran yang aktif, mampu mengakses maklumat secara kritis dan membina pengetahuan sendiri tanpa terlalu bergantung kepada institusi formal.

Pendekatan swadidik juga seiring dengan keperluan “pemahiran semula” (*reskilling*) dan “peningkatan kemahiran” (*upskilling*); dua komponen penting dalam pembangunan modal insan IR4.0. Individu perlu membina keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan keperluan pasaran kerja melalui pembelajaran sendiri yang berterusan. Dalam konteks ini, teknologi seperti platform AI yang menawarkan pembelajaran diperibadikan serta analitis pembelajaran berasaskan data raya, membolehkan pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka serta menyesuaikan kandungan pembelajaran mengikut keperluan masing-masing (Sefton-Green, 2019).

Dari sudut teori pembelajaran, Solomon (2005) menekankan bahawa pendekatan swadidik merangkumi empat elemen utama: (i) keseimbangan antara aspek emosi dengan kognitif; (ii) persekitaran pembelajaran yang menyokong sendiri; (iii) motivasi berasaskan misi hidup; dan (iv) pemilikan terhadap proses pembelajaran. Elemen-elemen ini memperkukuh lagi keperluan IR4.0 untuk membangunkan pelajar yang bukan hanya celik teknologi, tetapi juga mempunyai literasi sendiri dan kecekapan emosi.

Selain itu, pandangan ahli falsafah seperti René Descartes memperlihatkan bahawa pembelajaran sendiri adalah kunci kepada kebebasan intelektual kerana ia mendorong individu untuk meragui, menilai dan membina kefahaman melalui proses fikir kritis (Olanipekun, 2018). Berdasarkan penemuan Olanipekun, Descartes mendakwa bahawa persekolahan formalnya menyediakan asas kepada matematik sahaja. Sebaliknya, ahli falsafah ini menghargai autodidaktik kerana memberinya kemandirian, kebebasan dan pengajian yang bermakna. Melalui “kaedah ragu”, proses pembelajaran mandiri perlu melibatkan pembudayaan kuasa menaakul agar dapat bertemu dengan keyakinan dan kebenaran sejagat. Pemikiran seperti ini amat penting dalam era IR4.0 yang memerlukan inovasi, kreativiti dan pemikiran reflektif dalam menyelesaikan masalah kompleks (Chaka, 2020).

Secara keseluruhannya, konsep swadidik bukan sekadar alternatif kepada sistem pendidikan konvensional, tetapi merupakan teras utama dalam ekosistem pendidikan IR4.0. Ia memperkasakan individu untuk menjadi pelajar sepanjang hayat, memanfaatkan teknologi secara produktif, serta membentuk daya saing dalam dunia yang semakin berasaskan pengetahuan dan didorong oleh inovasi.

Konsep Swadidik dari Perspektif Islam

Meskipun konsep swadidik sering dikaitkan dengan pendidikan moden, sebenarnya mempunyai akar umbi yang kukuh dalam tradisi keilmuan Islam. Islam mengangkat tanggungjawab individu terhadap pencarian ilmu sebagai satu kewajipan asas dalam kehidupan seorang Muslim (Nur Khamsiah Adan, 2021). Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam Surah al-‘Alaq (96:1) yang bermaksud: “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan”, mengandungi isyarat penting bahawa pencarian ilmu bermula dengan dorongan peribadi. Perintah ini tidak disandarkan kepada institusi atau guru, tetapi menyentuh kesedaran sendiri manusia terhadap ilmu sebagai jalan pengabdian kepada Allah SWT.

Dalam tradisi Islam, ilmu bukan sekadar satu bentuk maklumat yang disampaikan secara pasif, tetapi merupakan satu bentuk amal yang menuntut kesungguhan, kefahaman mendalam, dan tanggungjawab rohani. Oleh itu, pembelajaran secara aktif dan sendiri telah lama menjadi amalan para ulama Islam terdahulu. Pemikir terkemuka pada zaman klasik seperti al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazali dan Ibn Khaldun menempuh jalan keilmuan melalui pembelajaran yang bersifat mandiri, pembacaan luas, penyelidikan peribadi dan renungan yang mendalam (al-Attas, 1991). Para sarjana ini mengembara ke pelosok dunia untuk menuntut ilmu dan mengarang karya-karya terkemuka. Hal ini menjadi suatu bukti yang memperlihatkan usaha pembelajaran secara autodidaktik yang mendalam dan berdisiplin. Misalnya, karya falsafah dalam bentuk novel fiksiyen, *Hayy ibn Yaqdhan*, oleh Ibn Tufayl (2016), memperlihatkan cara seorang manusia mampu mendidik dirinya sendiri tanpa bimbingan formal, semata-mata dengan merenung ciptaan Allah SWT. Novel ini dianggap sebagai salah satu teks klasik yang jelas menggambarkan konsep swadidik dalam peradaban Islam (Ben-Zaken, 2011).

(a) Nilai Epistemi dalam Konsep Swadidik Islam

Nilai-nilai epistemi atau nilai berorientasikan ilmu dalam pendidikan Islam seperti *ijtihad* (usaha intelektual), *tadabbur* (renungan mendalam terhadap ayat-ayat Allah) dan *tafaqquh* (pemahaman mendalam tentang agama) dapat memperkuat gagasan swadidik ini. *Ijtihad* merupakan suatu proses intelektual yang memerlukan kematangan ilmu serta kemampuan analisis mendalam bagi mengeluarkan hukum daripada sumber syarak (Kamali, 2000). Proses ini menuntut inisiatif peribadi dan kesanggupan menanggung implikasi intelektual hasil usahanya sendiri, menjadikannya salah satu bentuk pembelajaran sendiri yang tertinggi. Dari sudut ini, *ijtihad* selaras dengan prinsip swadidik kerana ia menekankan kawalan sendiri, analisis kritis dan tanggungjawab penuh pelajar terhadap perjalanan pembelajarannya (Saadan Man, 2022).

Begitu juga dengan konsep *tadabbur* yang membawa maksud merenungi dan memahami ayat-ayat al-Quran secara mendalam. *Tadabbur* bukanlah sekadar bacaan literal atau hafalan, tetapi merupakan usaha intelektual aktif yang mendorong refleksi sendiri dan kesedaran Rohani (Sahin, 2022). Firman Allah SWT: “Maka tidakkah mereka mentadabbur al-Quran, atau hati mereka terkunci?” (Muhammad, 47:24) menegaskan bahawa *tadabbur* ialah proses berfikir secara kritis terhadap wahyu. Malah, al-Quran juga menyatakan bahawa tanda-tanda kebesaran Allah terkandung dalam diri manusia (*anfus*) dan ufuk alam semesta (*afaq*), yang hanya dapat dikenali melalui renungan dan penyelidikan (Fussilat, 41:53). Justeru, *tadabbur* membangkitkan fitrah manusia untuk belajar, memperluas pengetahuan sendiri, memahami alam, dan akhirnya membawa kepada kebijaksanaan serta kesedaran terhadap Ilahi. Hal ini sejalan dengan prinsip swadidik yang menekankan pembelajaran reflektif, kritis dan digerakkan oleh motivasi dalaman.

Sementara itu, *tafaqquh* merujuk kepada usaha mendalami ilmu agama secara konsisten dan bersungguh-sungguh sebagaimana ditegaskan dalam Surah al-Tawbah (9:122). Ia bukan sekadar menuntut penguasaan ilmu pada peringkat kognitif, tetapi juga memerlukan kesedaran sendiri, disiplin berterusan, dan kesungguhan sepanjang hayat. Usaha mendalami ilmu ini boleh dianggap sebagai satu bentuk jihad ilmiah yang bukan sahaja memperkuat kefahaman individu, malah mendekatkan manusia kepada Allah SWT, seiring dengan janji-Nya: “Allah akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang berjihad bersungguh-sungguh mencari kebenaran ke jalan-jalan-Nya” (al-Ankabut, 29:69). Dengan demikian, *tafaqquh* memperlihatkan ciri-ciri swadidik dalam tradisi Islam kerana ia menekankan pembelajaran sendiri, penghayatan ilmu yang mendalam serta tanggungjawab rohani dalam proses menuntut ilmu.

(b) Nilai Etika dalam Konsep Swadidik Islam

Nilai-nilai etika atau nilai berorientasikan akhlak terpuji seperti ikhlas (keikhlasan dalam menuntut ilmu kerana Allah SWT), muhasabah (refleksi sendiri terhadap usaha pembelajaran), tawaduk (rendah diri terhadap ilmu dan guru) dan amanah (kesungguhan menjaga kebenaran ilmu) menjadi asas kepada pembentukan watak pelajar swadidik dalam acuan Islam. Berbanding pembelajaran moden yang kadangkala mementingkan pencapaian luaran, Islam meletakkan tujuan menuntut ilmu sebagai ibadah dan menjadikan proses pembelajaran itu sendiri sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT (al-Attas, 1991).

Ikhlas dapat ditakrifkan sebagai kejujuran hati dalam menuntut ilmu semata-mata kerana Allah SWT dan bukan kerana kepentingan duniawi. Nilai ini menjadikan proses pembelajaran sebagai ibadah yang mendekatkan pelajar kepada Allah SWT (Suryani, Aulia, Ningsih, Fadila, Wibowo

& Pulungan, 2023). Dalam konteks swadidik, ikhlas selaras dengan motivasi intrinsik yang mendorong pelajar belajar secara sendiri tanpa paksaan luar. Hanya dengan niat yang tulus, proses swadidik dapat berlangsung secara konsisten dan berterusan kerana pelajar menyedari bahawa ilmu ialah amanah Ilahi.

Muhasabah dalam konteks etika Islam merujuk kepada satu bentuk penilaian diri untuk menyemak perbuatan yang dilakukan sebelum ini (Khairunnisa et al., 2023; Wanti & Subiyantoro, 2022). Ia menuntut kesanggupan pelajar menilai kata-kata, sikap dan tindakannya dalam menuntut ilmu serta hubungannya dengan Allah SWT dan sesama manusia (Yasir, 2014). Firman Allah SWT: “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah setiap diri melihat apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok” (al-Hasyr, 59:18) menegaskan keperluan refleksi diri untuk meningkatkan ketakwaan. Dalam kerangka swadidik, muhasabah melatih pelajar mengawal pembelajaran sendiri melalui refleksi, disiplin, dan penambahbaikan berterusan, menjadikannya seiring dengan prinsip pembelajaran sepanjang hayat dalam Islam.

Tawaduk dalam menuntut ilmu bermaksud rendah hati, mengiktiraf keterbatasan diri serta menghormati guru dan sumber ilmu. Dalam tradisi Islam, sifat tawaduk mengelakkan pelajar daripada merasa cukup dengan pengetahuan yang ada atau bersikap sombong dengan ilmu yang diperoleh. Sebagai contoh, Imam al-Shafi‘i antara ulama yang terkenal dengan kerendahan hatinya, meski menjadi pendiri salah satu mazhab fikah. Beliau dikatakan selalu belajar daripada individu lain dan menghargai sesiapa sahaja yang memberikan ilmu kepadanya (Hikmah & Gade, 2025). Dalam konteks swadidik, tawaduk mencegah individu daripada terperangkap dalam “ego intelektual”, malah membuka ruang untuk terus menimba ilmu secara berterusan. Pelajar swadidik yang tawaduk akan bersikap terbuka menerima ilmu daripada pelbagai sumber, sekali gus mengekalkan ciri pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning*.

Tambahan pula, Islam menekankan bahawa ilmu adalah amanah yang harus dicari, dijaga dan diamalkan. Rasulullah SAW menyebut dalam sebuah hadis yang bermaksud “Menuntut ilmu itu wajib atas setiap Muslim” (riwayat Ibn Majah, no. 224) memperkukuh pandangan bahawa proses pencarian ilmu adalah kewajipan peribadi yang tidak boleh dipindahkan sepenuhnya kepada guru atau sistem pendidikan. Hal ini menunjukkan bahawa Islam menuntut setiap individu memainkan peranan aktif dalam proses keilmuannya. Dalam hal ini, swadidik bukan sekadar satu pilihan pedagogi, tetapi suatu amanah.

Maka, dalam kerangka Islam, swadidik bukan sekadar strategi belajar, tetapi sebuah komitmen kerohanian terhadap ilmu yang merangkumi konsep-konsep bersifat epistemi seperti *ijtihad*, *tadabbur* dan *tafaqquh* dan nilai-nilai bersifat etika seperti ikhlas, muhasabah, tawaduk dan amanah. Pembelajaran sendiri tidak hanya memerlukan kemahiran teknikal seperti pengurusan masa atau capaian kepada maklumat, tetapi juga kekuatan dalaman berupa niat yang lurus, adab terhadap ilmu serta kesedaran terhadap tanggungjawab moral dan sosial ilmu tersebut.

Seiring dengan ciri-ciri pelajar digital abad ke-21 yang kreatif dan berdikari, tokoh pemikir Islam yang bersikap sedemikian wajar menjadi fokus kajian lanjutan. Misalnya Hamka, seorang pemikir tok moden yang dilihat menggunakan pendekatan swadidik melalui pembacaan dan pengkajian bebas (Asri Yussof, 2017). Kejayaan pendekatan ini dapat dilihat pada keberadaan karya-karya monumental beliau seperti *Tafsir al-Azhar*. Contoh ini menunjukkan bahawa konsep swadidik bukan sahaja relevan dalam konteks IR4.0, malah merupakan kesinambungan

daripada sejarah pemikiran pendidikan Islam. Malah, ia memberikan kedalaman tersendiri kepada pengkonsep swadidik dalam Islam, menjadikannya jauh melampaui konsep *self-learning* sekular yang lebih berorientasikan kecekapan peribadi sahaja.

Integrasi Konsep Swadidik dalam Kurikulum dan Pedagogi Pendidikan Islam

Integrasi swadidik dalam sistem pendidikan Islam bukanlah satu usaha tambahan, tetapi suatu keperluan mendesak yang selaras dengan matlamat pendidikan Islam dan juga kehendak dasar pendidikan negara. Dalam konteks ini, kurikulum dan pedagogi Islam perlu distrukturkan semula dengan mengambil kira konsep swadidik sebagai asas, sambil tetap berpaksikan nilai-nilai yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendekatan ini menjadi semakin signifikan apabila dihadapkan dengan cabaran dan tuntutan pembelajaran dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

FPK menegaskan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk “melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”. Hal ini selaras dengan falsafah pendidikan Islam yang berteraskan konsep *ta’dib* iaitu pembentukan insan beradab yang bukan sahaja memiliki ilmu tetapi juga kefahaman tentang hakikat, hikmah dan tanggungjawab terhadap ilmu (al-Attas, 1991). Oleh itu, integrasi swadidik bukan hanya relevan secara praktikal, tetapi juga mempunyai justifikasi falsafah yang kukuh iaitu setiap individu harus menjadi agen aktif dalam usaha pembelajaran, demi pengembangan potensi secara menyeluruh.

Dari sudut kurikulum, pendekatan berpusatkan kandungan semata-mata perlu digantikan atau diimbangi dengan kurikulum yang membina keupayaan pelajar untuk belajar secara sendiri, reflektif, dan berasaskan nilai. Kurikulum sebegini tidak sekadar menyampaikan maklumat tetapi merangsang pelajar untuk bertanya, meneroka, menilai dan menghasilkan ilmu baharu, selari dengan semangat *ijtihad* dan “*tafaqquh fi al-din*”. Pelajar Islam perlu digalakkan untuk menjalankan projek penyelidikan kecil, tugas bersifat eksplorasi, pembacaan bebas dan pembelajaran luar kelas yang menyuburkan pemikiran kritis dan sendiri. Pendekatan ini bukan sahaja menepati falsafah Islam yang menuntut pelajar aktif dalam menuntut ilmu, tetapi juga menyokong aspirasi FPK untuk melahirkan insan yang berfikiran matang, kreatif dan bertanggungjawab terhadap diri, masyarakat dan Tuhan.

Dalam kurikulum moden, pengajaran boleh mengambil inspirasi daripada ulama swadidik terdahulu. Sebagai contoh, Ibn Khaldun menekankan kepentingan pengalaman dan pemerhatian sebagai sumber ilmu (aspek epistemi), manakala al-Ghazali pula menegaskan aspek adab dan keikhlasan dalam menuntut ilmu (aspek etika). Kedua-dua pandangan ini dapat diterapkan dalam pedagogi IR4.0 melalui pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran reflektif, dan penggunaan teknologi digital secara beretika. Wacana akademik masa kini menegaskan bahawa integrasi nilai ini relevan dengan konteks pendidikan Islam dan IR4.0. Kajian Adan (2021) menekankan pentingnya adab dalam pembelajaran digital, manakala Al-Attas (1991) menegaskan bahawa pendidikan Islam berasaskan konsep *ta’dib* iaitu pembentukan insan beradab. Hal ini membuktikan bahawa nilai epistemi dan etika Islam memang sesuai diterapkan dalam konsep swadidik sebagai kerangka pendidikan Islam yang relevan di era IR4.0.

Dari aspek pedagogi pula, peranan guru perlu bergerak dari peranan tradisional sebagai penghantar maklumat kepada *murabbi* dan fasilitator pembelajaran. Guru yang berperanan sebagai pembimbing dalam konteks swadidik membantu pelajar membentuk strategi belajar sendiri, memberikan maklum balas bermakna, dan memupuk motivasi dalaman. Pedagogi


seperti *problem-based learning*, *inquiry-based learning*, *flipped classroom* dan pembelajaran kolaboratif boleh digunakan untuk membina budaya pembelajaran aktif dan berdikari. Dalam semua pendekatan ini, nilai-nilai Islam seperti ikhlas, tawaduk, amanah, dan muhasabah tetap menjadi teras, memastikan bahawa pembelajaran tidak terpisah daripada etika dan akhlak.

Perkembangan teknologi dalam era IR4.0 juga membuka peluang untuk memperkasa swadidik. Penggunaan sumber terbuka seperti MOOC, e-jurnal Islamik, aplikasi pembelajaran interaktif dan video kuliah memberikan ruang kepada pelajar untuk mengakses ilmu secara fleksibel dan berdikari. Namun, kebolehan menggunakan teknologi secara efektif dan beretika perlu dibimbing dengan nilai Islam agar pelajar tidak tenggelam dalam informasi tanpa panduan. Dalam hal ini, nilai hikmah dan *tadabbur* menjadi penting untuk membezakan antara maklumat dan pengetahuan yang bermanfaat.

Sistem penilaian juga perlu diselaraskan dengan pendekatan swadidik. Penilaian berasaskan proses seperti portfolio, jurnal reflektif, penilaian sendiri dan rakan sebaya memberi ruang kepada pelajar untuk menilai perkembangan diri mereka, bukan hanya dari sudut akademik tetapi juga dari segi adab dan kefahaman nilai. Ini selari dengan prinsip Islam yang tidak menilai manusia semata-mata berdasarkan hasil, tetapi juga usaha, niat dan kejujuran dalam beramal (al-Zalzalah, 99:7-8).

Dengan mengintegrasikan konsep swadidik secara holistik dalam kurikulum dan pedagogi pendidikan Islam, sistem pendidikan dapat melahirkan pelajar yang seimbang seperti yang dicita-citakan dalam FPK, iaitu pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, mampu beradaptasi dalam dunia digital, tetapi pada masa yang sama teguh nilai, berakhlak dan bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran serta penggunaannya dalam kehidupan. Pendekatan ini juga menjadikan pendidikan Islam kekal relevan dalam menghadapi cabaran IR4.0, tanpa mengorbankan jati diri dan nilai teras keislaman.

Berdasarkan sorotan konsep-konsep yang ditinjau berdasarkan karya-karya sedia ada, makalah ini mengusulkan suatu kerangka konseptual bagi konsep swadidik berasaskan nilai Islam dalam konteks IR4.0. Rajah 1 memaparkan kerangka ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Konsep Swadidik dari Perspektif Islam dalam Era IR4.0

Rajah 1 menggambarkan hubungan antara konsep swadidik dengan pembelajaran mandiri pada era IR4.0 yang diperkaya dengan nilai-nilai Islam sebagai panduan utama. Kerangka konseptual ini dibina untuk mengintegrasikan elemen teknologi moden dan nilai-nilai kemanusiaan sejagat berlandaskan syariat dalam membentuk seorang pelajar mandiri Muslim yang holistik. Swadidik diletakkan di pusat kerangka sebagai konsep utama, ditakrifkan sebagai pendidikan yang diperoleh di luar institusi formal. Ia berfungsi sebagai titik pertemuan antara pembelajaran mandiri moden dan pembelajaran berteraskan nilai Islam. Konsep ini menegaskan keupayaan individu untuk memimpin proses pembelajarannya sendiri sambil mengawal matlamat, sumber dan strategi belajar yang sesuai dengan keperluan serta konteks peribadi. Pembelajaran mandiri di era IR4.0 menekankan dua komponen utama: pembelajaran berteknologi (meliputi MOOC, pembelajaran berasaskan AI, aplikasi e-pembelajaran dan bot sembang). Elemen ini mencerminkan capaian tanpa batas kepada sumber ilmu melalui platform digital yang interaktif. Nilai malar seperti kreatif, berdikari dan bermotivasi serta nilai futuristik seperti *reskilling* dan *upskilling* diperlukan untuk kelangsungan dalam dunia yang pesat membangun dan sentiasa berubah.

Pembelajaran mandiri berteraskan nilai Islam dipandu oleh dua set nilai iaitu nilai epistemi Islam dan nilai etika Islam. Nilai epistemi Islam melibatkan *ijtihad*, *tadabbur* dan *tafaqquh*. Nilai ini mengarahkan proses pembelajaran ke arah pencarian ilmu yang benar dan bermanfaat. Nilai etika Islam pula seperti ikhlas, muhasabah, tawaduk dan amanah memastikan ilmu digunakan dengan niat yang murni, penuh integriti, serta memberi manfaat kepada masyarakat. Garis putus-putus melambangkan hubungan timbal balik antara komponen teknologi dan kemahiran dengan nilai-nilai Islam. Misalnya, teknologi seperti AI boleh dimanfaatkan dalam kerangka nilai epistemi Islam untuk memperluas capaian ilmu, manakala kemahiran seperti *reskilling* dapat dipandu oleh etika Islam bagi memastikan ia digunakan untuk tujuan memperoleh keberkatan hidup. Integrasi ini membentuk satu konsep swadidik Islam yang

bukan sahaja kompeten secara teknikal, tetapi juga unggul dari segi moral dan kerohanian. Keseluruhan proses ini menumpu kepada kerangka konseptual yang menyeimbangkan tuntutan perkembangan teknologi moden dengan pedoman nilai Islam untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing, beretika dan berpandangan jauh.

Kesimpulan

Konsep swadidik adalah satu keperluan asas dalam pendidikan era Revolusi Industri 4.0 yang menuntut individu bersifat fleksibel, reflektif dan mampu belajar sepanjang hayat. Dalam kerangka Islam, swadidik bukanlah sesuatu yang asing, malah telah lama berakar dalam tradisi keilmuan Islam melalui konsep *ijtihad*, *tadabbur*, *tafaqquh* dan nilai-nilai etika pembelajaran. Ia bukan sahaja memperkasakan keupayaan intelek, tetapi juga memperkukuh dimensi spiritual dan tanggungjawab peribadi terhadap ilmu. Untuk memastikan pendidikan berteraskan paradigma Islam kekal relevan dan berkesan dalam era IR4.0, pengintegrasian semula semangat swadidik dalam kurikulum dan pedagogi dilihat penting. Pendekatan ini berupaya melahirkan pelajar yang celik teknologi, berkemahiran tinggi, dan pada masa yang sama teguh dalam nilai Islam serta mampu berdikari dalam pengurusan ilmu. Namun demikian, sebagai sorotan awal bersifat konseptual, makalah ini belum meneroka secara empirikal bagaimana tahap swadidik diamalkan oleh pelajar dalam sistem pendidikan Islam sedia ada. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan, termasuk kajian lapangan tentang tahap amalan swadidik di institusi Islam, kajian pembangunan model pedagogi berteraskan swadidik Islamik serta kajian penilaian kesan integrasi nilai swadidik terhadap pencapaian rohani dan akademik pelajar. Sebagai langkah permulaan, dicadangkan agar institusi pendidikan Islam menyusun kerangka latihan guru dan reka bentuk kurikulum yang memperkasakan swadidik dengan berpandukan nilai Islam dan hasrat FPK. Hanya dengan pendekatan Pendidikan yang menyeluruh dan bernilai, dapat menghasilkan insan yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga beradab, berwawasan dan berdikari menghadapi cabaran abad ke-21.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) atas kemudahan penyelidikan dan sokongan yang memungkinkan kajian ini dilaksanakan. Kajian ini telah dibiayai oleh USM Bridging Grant (No. Projek R501-LR-RND003-0000001325-0000).

Rujukan

- Ahmad Arifen, S., Suriani, A. B., Wong, K. T., Aliya, N., Adli, M., Azzam, A. B., Mamat, M. H., & Ahmad, M. K. (2024). Comprehensive literature review: Use of e-modules based on artificial intelligence in science subjects and its implications on teaching and learning. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 77–90. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.7.2024>
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Asri Yussof. (2017). Belajar dari Hamka: Seorang ulama autodidak. PTS Media Group. <https://pts.com.my/berita/belajar-dari-hamka-seorang-ulama-autodidak>
- Ben-Zaken, A. (2011). *Reading Hayy ibn Yaqzān: A cross-cultural history of autodidacticism*. Johns Hopkins University Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chaka, C. (2020). Skills, Competencies and Literacies Attributed to 4IR/Industry 4.0: Scoping Review. *IFLA Journal*, 46, 369–399. <https://doi.org/10.1177/0340035219896376>
- Cyrot, P. (2007). Are the ways of self-education those of a Robinson Crusoe? *Savoirs*, 13(1), 79–93. <https://shs.cairn.info/journal-savoirs-2007-1-page79?lang=en>
- Edwards, R. (2005). Apprenticeship and lifelong learning: Autodidacticism in the workplace. In J. Solomon (Ed.), *The passion to learn: An inquiry into autodidacticism* (pp. 71–82). New York: RoutledgeFalmer.
- Fisher, P., & Fisher, R. (2007). The “autodidact,” the pursuit of subversive knowledge and the politics of change. *Discourse: Studies in the Cultural Politics of Education*, 28(4), 515–529. <https://doi.org/10.1080/01596300701625271>
- Hikmah, F., & Gade, S. (2025). Konsep kesuksesan belajar: Analisis pandangan Imam Asy-Syafi'i. *Tadabbur: Jurnal Peradaban Islam*, 7(1), 41–50. <https://doi.org/10.22373/tadabbur.v7i1.549>
- Ibn Tufayl. (2016). *Hayy bin Yaqzan*. Mu'assasah Hindāwī li'l-Ta'lim wa al-Thaqāfah.
- Kamali, M. H. (2000). *Principles of Islamic jurisprudence* (2nd rev. ed.). Selangor, Malaysia: Ilmiah Publishers.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia. (n.d.). *Swadidik*. <https://kbbi.web.id/swadidik>
- Khairunnisa A. S., Ahmad F. M. N., Nazirah H., Abu Z. S., Sakinah S., Sara S. M. S., Nafisah I. H. & Muhd, I. A. R. (2023). Kerangka pengaturan sendiri melalui konsep muraqabah dan muhasabah Imam al-Ghazali. *Jurnal 'Ulwan*, 8(3), 152–162.
- Nong, S. A. M., & Osman, S. Z. M. (2024). Keperluan kemahiran insaniah abad ke-21 terhadap kesediaan kerjaya pelajar. *International Journal of Modern Education*, 6(20), 271–282. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.620021>
- Nur Khamsiah Adan. (2021). Tanggungjawab menjaga adab menuntut ilmu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PDPDT). *International Conference on Syariah & Law 2021 – Online Conference*, 215–226.
- Olanipekun, O. V. (2018). Descartes on education: Autodidacticism or the traditional moral method. *Euromentor Journal: Studies about Education*, 9(3), 20–31.
- Oxford Learner's Dictionary. (n.d.). *Autodidact*. In *Oxford Learner's Dictionaries*. <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/autodidact?q=autodidact>
- Payunda, S. A., & Khairunnisa, A. (2024). Membangun masyarakat pembelajar: Peran penting pendidikan sepanjang hayat dalam era digital. *Sentri: Jurnal Riset Ilmiah*, 3(7), 3238–3244. <https://ejournal.nusantaraglobal.or.id/index.php/sentri/article/view/3113>
- Saadman Man. (2022). *Fiqh semasa: Konsep dan aplikasinya*. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.

- Sahin, A. (2022). Love of learning as a humanizing pedagogic vocation: Perspectives from traditions of higher education in Islam. In P. Gibbs (Ed.), *Higher education and love: Institutional, pedagogical and personal trajectories* (pp. 137–187). Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-3-030-82371-9_8
- Sefton-Green, J. (2019). Towards a cultural history of digital autodidacticism: Changing cultural narratives of education. *Perspectiva*, 37(1), 125–139. <https://doi.org/10.5007/2175-795X.2019.e52964>
- Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104, 333–339. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.07.039>
- Solomon, J. (2005). Useful theories, great and small. In J. Solomon (Ed.), *The passion to learn: An inquiry into autodidacticism* (pp. 181–202). New York: RoutledgeFalmer.
- Suryani, I., Aulia, R., Ningsih, K. P., Fadila, A. N., Wibowo, A., & Pulungan, M. F. (2023). *Belajar dengan ikhlas*. Jurnal Pendidikan Tambusai, 7(1), 1632–1637.
- Torraco, R. J. (2005). Writing integrative literature reviews: Guidelines and examples. *Human Resource Development Review*, 4(3), 356–367. <https://doi.org/10.1177/1534484305278283>
- Wan Zaliha Wan Othman. (2022). Life long learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2), 534–540. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i2/13271>
- Wanti, E., & Subiyantoro, S. (2022). Manajemen Evaluasi (Muhasabah) Diri. *JURNAL LENTERA : Kajian Keagamaan, Keilmuan Dan Teknologi*, 21(2), 221-235. <https://doi.org/10.29138/lentera.v21i2.812>
- Witkowski, K. (2017). Internet of Things, big data, Industry 4.0—Innovative solutions in logistics and supply chains management. *Procedia Engineering*, 182, 763–769. <https://doi.org/10.1016/j.proeng.2017.03.197>